

29/11/1997

Menagih komitmen kuasa besar

HH

USAHA keras Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi penjelasan kepada dunia mengenai perlunya urus niaga mata wang dikawal dengan mewujudkan satu peraturan yang telus, semakin diterima.

Selepas beberapa forum antarabangsa seperti Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF), CHOGM, Asean dan Kumpulan-15, mesyuarat pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Vancouver minggu ini, juga akur mengenai perkara itu. Pemimpin 18 negara utama termasuk Kanada, Jepun, China dan Amerika Syarikat mengakui betapa berbahayanya kesan kegiatan urus niaga mata wang yang tidak dikawal kepada ekonomi dunia.

Tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan semua pegawai kanan kerajaan yang berjaya mempengaruhi dan mendesak negara Apec agar prihatin terhadap kebimbangan yang disuarakan Malaysia selama ini.

Banyak juga cerita yang kita dengar daripada anak buah yang baru balik membuat liputan di sana. Mereka juga cerita mengenai gelagat orang Kanada dan juga pemimpin yang datang. Seperti di Apec yang lalu, Presiden Clinton sekali lagi mendapat perhatian ramai terutama penduduk Kanada.

Jika di Manila tahun lalu, beliau bangun awal pada satu pagi untuk berjoging di kawasan berdekatan bandar raya metropolitan itu, di Vancouver, keesokan harinya selepas tiba, beliau bermain golf dengan Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong.

Hampir semua akhbar utama di Vancouver, kata anak buah Ketam Batu dapat mengambil gambar tiga pemimpin itu ketika mereka bermain dalam cuaca sejuk dan hujan, di sebalik kawalan ketat. Esoknya, hampir semua akhbar menyiarkannya di muka depan.

Petangnya pula, Clinton bersiar-siar di satu kawasan di Vancouver dan singgah di sebuah gerai makan, untuk menjamu selera bersama-sama beberapa pengawal peribadinya.

Bila ditanya apa pula pemimpin kita buat, anak buah kita memberi tahu ada juga ceritanya tetapi tidaklah glamour dan mendapat publisiti meluas. Malah wartawan Malaysia pun tidak ramai diberitahu mengenai perkara itu.

Kononnya, ada cerita yang tersorok di sebalik pandangan Malaysia mengenai isu mata wang diterima di Kanada ini.

Menurut cerita, seperti di Jepun dua tahun lalu apabila Malaysia bertegang leher dengan pemimpin Amerika mengenai Deklarasi Osaka, Rafidah yang dikatakan tidak bercakap di Vancouver kali ini, sebenarnya tetap garang. Daripada apa yang didengar, beliau tetap bertelagah dengan beberapa menteri dalam Apec berhubung dengan draf deklarasi.

Kita tidak pasti apa yang dibangkitkan beliau hingga suasana mesyuarat menjadi panas dan ada ura-ura beberapa pemimpin yang 'mengancam' tidak mahu turut serta dalam sidang akhbar selepas mesyuarat hari kedua tamat.

Tetapi menurut anak buah kita, apa yang jelas draf awal deklarasi pemimpin yang diperolehi wartawan sehari sebelum diumumkan oleh pemimpin, banyak berbeza daripada yang dibaca oleh Perdana Menteri Kanada, Jean Chretien, esoknya.

Perbezaan paling ketara ialah perenggan yang menyebut mengenai usaha Apec menangani masalah mata wang. Kalangan wartawan Malaysia pun tidak tahu mengenai perkara itu. Mungkin sebab itulah Perdana Menteri dalam sidang akhbar nya selepas mesyuarat peringkat pemimpin menolak anggapan ramai yang menteri beliau itu tidak lagi garang. Malah katanya, beliau mendapat komen bahawa Rafidah masih lantang bersuara.

Mungkin Rafidah sendiri boleh beritahu apa sebenarnya yang berlaku sehingga Apec kali ini nampak mudah bagi Malaysia yang sudah dicop sebagai budak nakal, tetapi sekali lagi mendapat perhatian.

Walaupun Apec tahun ini tidak lagi mengeluarkan kenyataan menggunakan bahasa yang sedap didengar telinga, persoalan sekarang ialah sejauh mana apa yang dipersetujui itu dapat dilaksanakan seperti dirancang. Apa yang kita khuatir, di forum antarabangsa seperti ini, kuasa besar hanya bersetuju kerana terpaksa, untuk menyedapkan hati, tidak mahu diketahui media massa dan dijadikan isu serta demi menjaga semangat setiakawan dalam Apec sedangkan di segi komitmen tidak sepenuhnya.

Ini tidak mustahil lebih-lebih lagi cadangan Malaysia dilihat sebagai memasukkan pasir ke dalam periuk nasi spekulator yang sudah hidup mewah bertahun-tahun. Tentunya tidak semudah itu untuk kita melakukan. Dalam kata lain, matlamat Malaysia akan banyak menempuh ranjau di pertengahan jalan.

Kesimpulannya, perang Malaysia dengan manipulator mata wang sudah bermula.

Walaupun ketika kita sedang bersiap menyediakan peluru tetapi mereka sudah awal bersedia untuk menembak, tetapi perlu diingat kita masih belum kalah dalam peperangan besar ini.

Kemasukan Russia sebagai kuasa besar dunia dalam Apec dan akan menyertai persidangan di Kuala Lumpur tahun depan akan menyaksikan sesuatu yang lebih menarik.

Dalam Apec sekarang pun, jelas kuasa besar mempunyai pengaruh yang kuat di sebalik suara-suara kecil tetapi nyaring seperti Malaysia.

Kehadiran kuasa besar dalam Apec sebenarnya banyak boleh membantu Apec menangani masalah termasuk isu mata wang jika hala tujunya yang benar. Seperti kata Dr Mahathir: "Amerika sangat berkuasa. Sekiranya mereka membuat keputusan untuk bertindak, saya yakin banyak keputusan baik dapat dihasilkan terutama jika bertindak mengikut arah yang betul. Jika sebaliknya, pasti kita akan menghadapi masalah."

(END)